

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 4 TAHUN 2009**

Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN  
BAJET TAHUN 2010 - 2011**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2010 – 2011.

**SENARIO EKONOMI SEMASA**

2. Suasana kemelesetan ekonomi dunia sejak tahun 2008 secara langsung memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan negeri Perak. Walau bagaimanapun, dengan langkah suntikan rangsangan ekonomi yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, Malaysia dijangka mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik pada tahun 2010.
3. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan sektor awam sebagai penjana utama ekonomi berdasarkan kemampuan kewangan negeri. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan langkah-langkah berjimat cermat dan berhemah dalam penyediaan bajet tahunan. Untuk tahun 2010-2011, strategi Bajet adalah seperti berikut:

- a) Menggerakkan dan meneruskan aktiviti pembangunan sebagai penjana utama ekonomi negeri.
- b) Meningkatkan hasil kerajaan negeri dengan mempelbagaikan kaedah dan usaha-usaha yang berterusan.
- c) Meneruskan dasar perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat.
- d) Menyediakan sistem penyampaian sektor awam yang cekap dan berkesan.
- e) Meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat di luar bandar dan bandar.

## PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 4. Kerajaan Negeri telah melaksanakan **Sistem Bajet Yang Diubahsuai (MBS)** dan **Bajet Dua (2) Tahun Sekali**. Di bawah **Sistem Bajet Yang Diubahsuai (MBS)**, konsep Batas Perbelanjaan yang berpandukan kepada prestasi tahun 2008 akan digunakan dalam proses penyediaan Bajet 2010. Cadangan anggaran perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada tidak boleh melebihi Batas Perbelanjaan yang telah ditetapkan.
- 5. Pematuhan kepada Batas Perbelanjaan adalah perlu dan tiada pengecualian yang akan diberikan. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi Dasar Sedia Ada hendaklah dirangkumi dalam Batas Perbelanjaan. Batas Perbelanjaan ini tidak dipakai untuk bajet di bawah maksud Tanggungan (T).
- 6. Cadangan bajet bagi melaksanakan dasar baru dan *one-off* hendaklah dikemukakan secara berasingan. Semua cadangan Perbelanjaan Mengurus perlu mengikut format yang sama seperti tahun 2009. Dokumen Perjanjian Program tidak perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.
- 7. Pengiraan Batas Perbelanjaan tahun 2010 adalah menggunakan formula seperti berikut:

**Batas Perbelanjaan 2010 = Dasar Sedia Ada 2009 + [Dasar Baru 2009 – Peruntukan Aset] – Dasar Baru 2008 Yang Tidak Dilaksanakan + 2% Kenaikan Untuk Emolumen**

- a. *kenaikan 2% adalah untuk Emolumen (Objek Am 10000) tahun 2008.*

8. Bagi maksud membuat penyediaan anggaran imbuhan (Bonus), Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa perkiraan dibuat di bawah Objek Sebagai 15000 berdasarkan 1 bulan gaji atau minimum RM1,500.00.
9. Bagi tahun 2011, Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Batas Perbelanjaan berpandukan formula pengiraan serta Batas Perbelanjaan 2010 dan cadangan Dasar Baru 2010.

## **PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2010**

10. Memandangkan tahun 2010 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMKe-9), Pegawai Pengawal perlu memastikan projek-projek RMKe-9 dilaksanakan dengan lancar agar projek-projek dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan. Ini bagi memastikan bilangan projek sambungan dalam RMKe-10 kelak dapat dikurangkan untuk membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek baru di bawah RMKe-10.
11. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan hanya projek-projek yang telah dirancang dan ditetapkan sahaja dilaksanakan. Jabatan juga dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan kewangan yang diperlukan untuk setiap peringkat aktiviti.

## **PERJAWATAN**

12. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya setiap cadangan pertambahan jawatan dan penstrukturkan semula organisasi dikaji dengan teliti dan benar-benar perlu untuk melaksanakan tugas dan fungsi organisasi. Bagi jawatan kosong yang telah dikenal pasti tidak akan dilantik pada tahun berkenaan, maka perkiraannya tidak perlu diambil kira.

## **CADANGAN ANGGARAN HASIL 2010**

13. Pejabat Kewangan Negeri akan menggunakan cadangan anggaran hasil tahun 2010 daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri.


## PENYEDIAAN CADANGAN BAJET 2010

14. Tatacara penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 adalah mengikut format yang sama seperti tahun 2009 dengan menggunakan **format Microsoft Excel**.
15. Cadangan Bajet Tahun 2010 dengan menggunakan format-format tersebut dan *softcopy* hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri **sebelum 31 Mac 2009** dengan jumlah salinan seperti berikut:
  - i) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dalam satu naskah mengikut format *Microsoft Excel* dan satu disket.
  - ii) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dalam satu naskah mengikut format *Microsoft Excel* dan satu disket.

Sekian, terima kasih.

### 'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



( DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD )  
Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

10 Mac 2009

s.k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri